

Mains cadangkan Usim tubuh Jabatan Qiraat

NILAI – Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (Mains) mencadangkan Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) menubuhkan Jabatan Qiraat di bawah Fakulti Al-Quran dan Sunnah bagi menempatkan pelajar baharu mengikuti

jurusan tersebut.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan berkata, cadangan itu berikutan terdapat ramai tenaga pakar dalam bidang Qiraat di Usim dan secara tidak langsung, Mains sudah tidak perlu lagi meng-

hantar pelajar ke Mesir bagi mengikuti kursus tersebut.

"Saya mendapati Fakulti Al-Quran dan Sunnah di Usim adalah yang terbaik. Justeru, Mains bercadang untuk mengadakan memorandum persefahaman dengan Usim

bagi mendapatkan quota khas untuk anak Negeri Sembilan supaya mereka tidak lagi perlu dihantar ke Mesir.

"Selepas itu, kita akan membawa kertas cadangan berkenaan ke Sidang Dewan Undangan Negeri (Dun) se-

belum dipersembahkan kepada Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan Darul Khusus, Tuanku Muhriz Ibni Alhmarhum Tuanku Munawir, untuk dijadikan dasar Negeri Sembilan," katanya.

Menurutnya, cadang-

an tersebut juga selaras dengan dasar yang dilaksanakan baru-baru ini di mana kerajaan mahu anak Negeri Sembilan menyambung pelajaran di peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah di universiti tempatan.